



Universiti Pendidikan Sultan Idris
**PUSAT PENYELIDIKAN DAN PERKEMBANGAN KANAK-KANAK NEGARA
(NCDRC)**

**PANDUAN RINGKAS PERBELANJAAN
GERAN PENYELIDIKAN NCDRC 2019**

1) PENGURUSAN KEWANGAN PROJEK PENYELIDIKAN

1.1 Pengurusan Am

1.1.1 Geran Penyelidikan NCDRC

Amaun maksimum (siling) geran penyelidikan adalah tertakluk kepada ketetapan NCDRC dari semasa ke semasa.

(a) Kelulusan dan perbelanjaan hanyalah melibatkan vot-vot berikut:-

- i. Vot 11000 – Gaji dan Upahan
- ii. Vot 21000 – Perbelanjaan Perjalanan dan Sara Hidup
- iii. Vot 27000 – Bekalan Bahan dan Bahan-bahan lain.
- iv. Vot 28000 – Sewaan
- v. Vot 29000 – Perkhidmatan Ikhtisas dan Perkhidmatan lain yang dibeli dan Hospitaliti.

(b) Had maksimum bagi vot 11000 adalah 40% dan bagi lain-lain vot dan tertakluk seperti berikut:-

- i. Mesyuarat dan bengkel penyelidikan melibatkan kewangan (jika ada) hendaklah diadakan di dalam kampus UPSI;
- ii. Penyelidik **tidak dibenarkan** membayar yuran keahlian mana-mana badan professional;
- iii. Penyelidik dibenarkan menggunakan peruntukan geran ini bagi membayar apa-apa kos penerbitan hasil penyelidikan ini;
- iv. Penyelidik boleh membuat tuntutan mengikut kadar yang ditetapkan yang berkuat kuasa di Universiti dari semasa ke semasa;
- v. Pemberian hadiah dan honorarium kepada pihak lain **tidak dibenarkan**. Walaubagaimanapun, pemberian cenderamata untuk sampel kajian sebagai tanda penghargaan adalah dibenarkan (kos tidak melebihi RM 5 setiap sampel);

- vi. Pembelian bekalan yang bernilai RM1,000 dan ke bawah bagi tujuan penyelidikan adalah dibenarkan;
- vii. Pembelian aset/ inventori adalah tidak dibenarkan.
- viii. Penyelidik boleh menggunakan peruntukan daripada vot 29000 bagi tujuan upah/bayaran khidmat terjemahan/proofread tertakluk kepada kelulusan NCDRC;
- ix. Permohonan pertukaran Vot (*virement*) adalah tertakluk kepada kelulusan JP NCDRC dan diperakukan oleh MJPU.

2) KADAR UPAH PEMBANTU LAPANGAN (ENUMERATOR)

Kadar upah bagi Pembantu Lapangan (Enumerator) adalah RM15.00 – RM30.00 sehari. Kadar yang dinyatakan ini adalah tertakluk kepada jumlah/bebanan kerja yang diputuskan oleh penyelidik.

3) KADAR BAYARAN KERJA PENYELIDIKAN

1. Upah memasukkan data – RM1.50 per responden
2. Upah menaip – RM3.00 per helaian
3. Upah Mendengar dan Menaip (*Transcribe*) – RM3.00 per helaian

4) KADAR UPAH PEMBANTU PENYELIDIK (RA)

Kelayakan	Kadar Bayaran
PhD	RM1,815.00 /bulan (maksimum)
Sarjana	RM1,617.00 /bulan (maksimum)
Sarjana Muda	RM1,419.00 /bulan (maksimum) atau RM45.20 (sehari)
Diploma	RM902.00 /bulan (maksimum) atau RM33.40 (sehari)
STPM	RM726.00 /bulan (maksimum) atau RM27.00 (sehari)
SPM	RM473.00/bulan (maksimum) atau RM17.00 (sehari)

5) Lain-lain kadar bayaran elaun yang boleh dituntut oleh pembantu penyelidik.

a. Kadar Elaun Penginapan, Elaun Makan/Harian

Jenis Elaun	Ijazah (RM)	Diploma/STPM (RM)	SPM (RM)
Elaun Harian	22.50	20.00	20.00
Elaun Makan	45.00	40.00	40.00
Elaun Lojing	55.00	45.00	40.00
Elaun Hotel	160.00	140.00	130.00

b. Kadar Elaun Perbatuan

Gaji (RM)	2,323.41 ke atas	2,064.60 ke atas	1,611.28 ke atas	1,611.28 ke bawah	1,611.28 ke bawah
cc kenderaan	1400 ke atas	1000 ke atas	1000 Ke bawah	175 Ke atas	175 Ke bawah
Kelas tuntutan	A	B	C	D	E

Sen/KM					Jarak Perjalanan Bertugas Rasmi Bagi Setiap Satu Bulan
A	B	C	D	E	
70	60	50	45	40	500 km pertama
65	55	45	40	35	501 – 1,000 km
55	50	40	35	30	1,001 – 1,700 km
50	45	35	30	25	1,701 km dan seterusnya

PENJENISAN PERBELANJAAN MENGIKUT VOT

- Vot 11000** - **Gaji dan Upahan**
Bayaran kasar (sebelum ditolak cukai dan potongan-potongan lain) untuk gaji, upahan dan tunggakan gaji.
- Vot 21000** - **Perbelanjaan Perjalanan dan Sara Hidup**
Tuntutan staf yang dibuat dalam menjalankan aktiviti penyelidikan termasuk kursus/seminar/ persidangan di dalam negara. Tuntutan ini meliputi bayaran bagi pengangkutan, elaun sara hidup, bayaran hotel dan penginapan, tips, tol, bayaran lapangan terbang, bayaran meletak kereta, dan perbelanjaan sampingan yang dibuat ketika perjalanan.
- Vot 24000** - **Sewaan**
Bayaran untuk menyewa atau memajak tanah, bangunan, kemudahan dan alat kelengkapan.
- Vot 27000** - **Bekalan Bahan dan Bahan-bahan lain.**
Perbelanjaan bagi pembelian semua bekalan dan bahan-bahan termasuk pembelian barang tak luak yang kurang daripada RM1,000.00 setiap satu atau tidak dijeniskan sebagai harta modal di bawah Kod 34000 dan kod 35000. Harga belian adalah termasuk penghantaran. (Tidak termasuk bekalan dan bahan bahan dibawah Kod 25000 dan kod 26000 yang mana nilai pembelian setiap butiran tidak dihadkan)
- Pembelian dibenarkan;
- Pendrive
 - -External Hardisk
 - Alatulis
 - Kertas A4
 - Toner /Katrij
- Vot 29000** - **Perkhidmatan Ikhtisas dan Perkhidmatan lain yang dibeli dan Hospitaliti.**
Perbelanjaan bagi semua perkhidmatan yang dibeli sama ada di bawah kontrak atau tidak, termasuk perkhidmatan ikhtisas,

teknik, saintifik dan perniagaan, semua bayaran upahan/elaun dan faedah kewangan kepada pekerja sambilan yang tidak memegang jawatan tetap dan perbelanjaan keraian.

- # MJPU 115 pada 20 Jun 2013 memutuskan, penyelidik boleh menggunakan peruntukan daripada vot ini bagi tujuan upah/bayaran khidmat terjemahan artikel jurnal.

Perkhidmatan di bawah Vot 29000 adalah seperti berikut;

- Percetakan
- Fotostat
- Bayaran Enumerator
- Bayaran Perkhidmatan Profesional
- Bayaran Perkhidmatan Penyediaan makanan (catering)
- Bayaran Proofread (Tidak lebih RM 500.00)- bagi satu artikel jurnal
- Yuran Penerbitan Jurnal (Tidak lebih RM 1500.00)- bagi satu artikel jurnal